



Rakyat NS tonjol semangat patriotik

Lebih 20,000 hadir meriahkan sambutan Hari Kebangsaan 2023 Negeri Sembilan

Oleh NORAFIDAH ASSAN SEREMBAN

Sambutan Hari Kebangsaan 2023 Peringkat Negeri Sembilan pada kali ini cukup meriah apabila lebih 20,000 pengunjung hadir membanjiri Padang Majlis Bandaraya

Seremban di sini sejak jam 5 pagi bagi meraikan hari bersejarah itu.

Turut berangkat mencemer duli pada majlis berkenaan ialah Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Muhriz Tuanku Munawir dan Tunku Ampuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Aishah Rohani Tengku Besar Mahmud.

Keberangkatan baginda berdua disambut oleh Menteri Besar, Datuk Seri Aminuddin Harun dan Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan, Datuk Mohd Zafir Ibrahim.

Sambutan dimulakan dengan Istiadat Kawalan Kehormat Utama terdiri daripada tiga pegawai dan 103 anggota lain-lain pangkat daripada Batalion



Antara persembahan daripada pasukan Angkatan Tentera Malaysia.

Ke-24 Rejimen Askar Melayu Diraja (RAMD) yang diketuai oleh Mejar Noor Azlan Husin, Pegawai Panji-Panji Batalion Ke-15 RAMD, Letenan Muhamad Khaliq Nasrudin dan Sarjan Mejar Rejimen, Pegawai Waran 1 Ahmad Abu Bakar.

Kawalan Kehormat Utama itu diiringi oleh Pancaragam Gabungan Batalion Ke-14 RAMD (MEKENIZA) dan Batalion Ke-24 RAMD yang dipimpin oleh Drum Major, Sarjan Mohd Saiful Mohd Haniff.

Sebanyak 84 kontinjen merangkumi 5,000 peserta menyertai perbarisan sambutan Hari Kebangsaan ke-66 peringkat negeri terdiri daripada pelbagai jabatan dan agensi kerajaan, badan berkanun, pentadbiran daerah, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), sekolah dan institusi pengajian tinggi serta syarikat swasta.

Perarakan juga menyaksikan aset artileri Angkatan Tentera Malaysia, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia.

Bacaan ikrar Rukun Negara turut diadakan diketuai Menteri Besar manakala doa dibacakan oleh Timbalan

Mufti Negeri Sembilan, Amran Awaludin.

Persembahan khas juga diadakan dengan judul 'Semesta Aur Dengan Tebing' yang merupakan gabungan persembahan tarien, bacaan puisi yang melibatkan artis Vanida Imran; juara empat kali dalam Kejuaraan Pencak Silat Dunia serta pemenang empat pingat emas Sukan SEA, Mohd Al-Jufferi Jamari dan beberapa artis lain yang diselaraskan oleh Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Negeri Sembilan.

Sementara itu, Aminuddin ketika ditemui menyifatkan kehadiran orang ramai adalah luar jangka dan menunjukkan semangat patriotik masing-masing yang begitu tinggi.

"Dalam sejarah sepanjang enam tahun saya menjadi Menteri Besar, inilah kehadiran amat besar kemungkinan keberkatan Kerajaan Perpaduan," kata beliau.



Aminuddin mengetuai bacaan ikrar.



Aminuddin (kiri) mengambil peluang menyapa orang ramai yang hadir pada program tersebut.



Pasukan berbasikal turut menyertai perarakan berkenaan.



Jentera pasukan bomba beraksi ketika sambutan itu pada Khamis.